

# E-BULETIN

# KKLIU



## MESYUARAT LEMBAGA IKLAN UBAT BIL.03/2023

Mesyuarat Lembaga Iklan Ubat Bil.03/2023 telah diadakan pada 05 Julai 2023. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Dr. Muhammad Radzi bin Abu Hassan, Ketua Pengarah Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia. Pelbagai isu berkaitan kandungan format iklan produk dan perkhidmatan kesihatan telah dibincangkan dalam mesyuarat ini. Buletin ini menyampaikan beberapa perkara terkini yang diputuskan dalam mesyuarat tersebut.

## DALAM EDISI INI

- 02 Iklan Tanggungjawab Sosial Korporat
- 02 Iklan Profailing / Saringan Genetik (*Genetic Screening / Profailing*)
- 03 Promosi Perkhidmatan Kesihatan
- 04 Iklan Berbentuk Peraduan/ Permainan

# Iklan Tanggungjawab Sosial Korporat

Tanggungjawab Sosial Korporat ataupun dikenali sebagai CSR (**Corporate Social Responsibilites**) merupakan suatu konsep di mana organisasi perniagaan menunjukkan komitmen dalam menjaga kesejahteraan masyarakat, ekonomi dan kelestarian alam sekitar tanpa mengutamakan keuntungan.



Kempen atau program CSR tidak sepatutnya diuar-uarkan bagi tujuan pemasaran. Oleh yang demikian, Lembaga Iklan Ubat **tidak membenarkan** kempen atau program CSR yang dianjurkan oleh hospital, klinik atau makmal perubatan swasta disiarkan sebagai iklan perkhidmatan yang ditawarkan di premis berkenaan.

## Iklan Profailing / Saringan Genetik (Genetic Screening / Profiling)

Lembaga Iklan Ubat telah memutuskan bahawa saringan/profailing genetik oleh makmal perubatan swasta boleh diiklankan. Walau bagaimanapun, perkhidmatan ini tidak boleh ditawarkan secara terus kepada orang awam (walk-in). Perkhidmatan ini ditawarkan atas permintaan daripada pengamal perubatan sahaja.

Iklan saringan/profailing genetik yang diluluskan oleh Lembaga Iklan Ubat diwajibkan mempamerkan pernyataan seperti berikut dalam iklannya:

**“Saringan Genetik ini HANYA untuk kegunaan doktor sahaja. Sekiranya anda mempunyai soalan mengenai saringan ini, sila hubungi doktor anda”**



# Promosi Perkhidmatan Kesihatan

## TAHUKAH ANDA?

Lembaga Iklan Ubat telah MEMBENARKAN tawaran diskaun atau potongan harga dalam iklan perkhidmatan kesihatan? Kini, pihak hospital swasta, klinik perubatan swasta dan makmal perubatan swasta yang ingin mendapatkan kelulusan Lembaga Iklan Ubat boleh menyatakan tawaran diskaun atau potongan harga di dalam format iklan.



Namun begitu, aktiviti pemasaran dan promosi seperti tawaran perkhidmatan kesihatan PERCUMA, tawaran hadiah dan perbandingan harga/pakej sesuatu perkhidmatan kesihatan adalah TIDAK DIBENARKAN.



TIDAK  
DIBENARKAN



### 01 Perkhidmatan Percuma

Contoh: Pemeriksaan mata secara percuma bagi 20 pesakit terawal.

### 02 Perbandingan Harga

Contoh: Pilihan pakej rawatan luka diabetik oleh Pegawai Perubatan RM 100 / Pakar Perubatan RM 250

### 03 Tawaran Hadiah

Contoh: Memenangi powerbank berjenama X dengan pembelian pakej pemeriksaan kesihatan.

# Iklan Berbentuk Peraduan atau Permainan



Lembaga Iklan Ubat tidak membenarkan pengiklanan sesuatu produk ubat berdaftar atau penyakit dalam bentuk peraduan atau permainan (contoh: teka silang kata, soalan aneka pilihan, kuiz dan sebagainya). **Perenggan 3.2** dalam Garis Panduan Kelulusan Pengiklanan Produk Ubat Berdaftar telah menetapkan prinsip am Amalan Pengiklanan Baik iaitu iklan hendaklah bermaklumat serta menyampaikan fakta yang betul. Format iklan berbentuk peraduan atau permainan yang menguji kefahaman di samping tidak menyampaikan maklumat yang sebenar berupaya membuka ruang untuk kesalahfahaman dan kekeliruan di kalangan orang awam.

## ii. Teka Silang Kata

### i. Soalan Aneka Pilihan

The main symptoms of this illness are pain and stiffness in the joints. Can you name it?

A. Osteoarthritis      C. Chronic tension

B. Migraines      D. Myopathy



### iii. Kuiz



Vitamin Memory Matching

B7

I am found in egg yolks, our red blood cells, and in milk. Eating raw egg whites can be harmful to the body. I have an important role in gene expression by uncoupling histones.

Sesi Taklimat Cawangan Kawalan Iklan, Kementerian Kesihatan Malaysia, dengan MalaysiaKini (Portal Berita Dalam Talian)



Sesi Dialog dan Taklimat Aktiviti Kesedaran Bahagian Penguatkuasaan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia Bersama Pengiklan Produk Ubat Berdaftar Dan Perkhidmatan Kesihatan



Sesi Dialog dan Taklimat Aktiviti Kesedaran Bahagian Penguatkuasaan Farmasi, KKM Bersama Pengengaruh, Media Penyiaran dan Platform E-Dagang Tahun 2023



Seminar & Workshop Digital Advertising For Medicine & Cosmetic Products

Anjuran Universiti Kuala Lumpur Royal College of Medicine Perak (UniKL RCMP)



National Regulatory Conference 2023

Bahagian Regulatori Farmasi Negara



Seminar Medicinal Products Advertising Approval With Medicine Advertisement Board

Anjuran Pharmaceutical Association of Malaysia, PhAMA



# Kemaskini Garis Panduan Kelulusan Pengiklanan Produk Ubat Berdaftar

Pihak Sekreteriat Lembaga Iklan Ubat telah mengeluarkan Garis Panduan Kelulusan Pengiklanan Produk Ubat Berdaftar selaras dengan keputusan Mesyuarat LIU bilangan 2 tahun 2022 bagi menggantikan Garis Panduan Pengiklanan Ubat dan Produk Perubatan Kepada Orang Awam dan telah berkuat kuasa pada 1 Oktober 2022. Garis panduan ini juga tersedia dalam versi Bahasa Inggeris dan telah diterbitkan pada 1 Ogos 2023. Garis panduan ini boleh dimuat turun di laman sesawang <http://www.pharmacy.gov.my>



01  
OKTOBER  
2022

Versi Bahasa Malaysia



01  
OGOS  
2023

Versi Bahasa Inggeris

## LEMBAGA IKLAN UBAT

03-7841 3200 | [liu@moh.gov.my](mailto:liu@moh.gov.my)

[www.pharmacy.gov.my](http://www.pharmacy.gov.my)

Lot 36, Jalan Profesor Diraja Ungku Aziz, PJS 13,  
46200 Petaling Jaya, Selangor.